

Pencemaran laut, sungai jejas nelayan

Kuala Selangor: Pembersihan perairan dan muara sungai daerah ini, perlu dilakukan bagi mengelakkan pencemaran yang menjejaskan rezeki nelayan pantai setempat.

Ahli Parlimen Kuala Selangor, Datuk Irmohizam Ibrahim, berkata kontraktor dilantik Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) perlu bekerja sebaik mungkin bagi mengelakkan pencemaran laut memberi kesan terutama benih kerang yang semakin berkurangan akibat perairan dicemari toksik.

Benih kerang berkurangan

“Kita bimbang kehadiran benih kerang akan pupus apabila terlalu banyak sisa toksik dan bahan buangan tidak dibersihkan sebaik mungkin, seterusnya perusahan kerang mengalami kemerosotan,” katanya.

Irmohizam yang juga Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), berkata demikian program Ziarah Tani Parlimen Kuala Selangor serta menyusuri kawasan sungai di Jeram bagi lawatan tapak perusahaan kerang di situ.

Pada program itu, Irmohizam bersama ketua Jabatan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani membuat lawatan ke lokasi terpilih bagi memantau perkembangan pertanian yang diceburi dan menilai masalah yang dihadapi.